

*"Segala puji tertentu bagi Allah yang tiada melahirkan anak, dan tiada bagi-Nya sekutu dalam urusan kerajaan-Nya, ... ."*

[Al Qur'an 17:111]

Al-Quran itu memberi amaran kepada mereka yang berkata, *"Allah mempunyai anak."* [18:4] *"Mengapa kamu berani mengatakan terhadap Allah apa yang kamu tidak mengetahui?"* [10:68]

**Nabi Isa (Jesus)**, keatasnya dilimpahkan kesejahteraan, memberitahu, *"Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu, oleh itu, beribadatlah kamu kepada-Nya. Inilah jalan yang lurus."* [3:51]

Allah tidak seperti makhluk-Nya. Allah adalah bebas daripada sebarang keperluan. Mengapa Allah perlukan ibadat kita? Sebenarnya Allah tidak memerlukan penyembahan daripada kita.

Ibadah kita tidak meningkatkan Kebesaran dan Kemuliaan Allah manakala keingkaran kita tidak mengurangkan Kebesaran dan Kemuliaan-Nya.

Ibadah adalah rahmat dari Allah untuk menunjukkan cara untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan syurga di akhirat.

Tidak ada paksaan dalam agama Allah.

Sungguh telah jelas antara kebenaran dan kesesatan. Pilihan di tangan anda.

Allah Maha Mengetahui.

Oleh: Dr Y Mansoor Marican, Ph. D  
Terjemahan: Perkhidmatan Nasihat  
& Pengurusan Darul Ulum

ISLAM ITU KEBENARAN

# Siapakah ALLAH?

[Who is Allah?]

Allah membenci dosa tetapi menyayangi pembuat dosa yang kembali ke jalanNya dengan taubat yang ikhlas.



Dengan Nama Allah  
Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang

## Siapakah Allah?

### **Adakah Allah Tuhan orang-orang Islam sahaja?**

Allah bukan Tuhan untuk orang Islam sahaja. Allah ialah Tuhan seluruh makhluk yang nyata dan yang ghaib.

Allah memenuhi semua keperluan hamba-hambanya sama ada yang beriman dengannya atau yang mengingkari kewujudan-Nya.

### **Kenapa tiada gambar atau patung Allah?**

Allah ialah Pencipta yang ghaib. Dia ialah zat yang diluar kemampuan manusia untuk melihat-Nya. Dia tidak sama dengan apa yang mampu dijangkau oleh akal manusia.

Maka melukis gambar atau membuat patung yang mewakili-Nya adalah satu dosa besar dan perbuatan yang sesat dalam Islam.

Mengapa menyembah tuhan palsu yang direka oleh manusia sedangkan anda boleh menyembah Tuhan yang sebenar?

### **Ada yang mengatakan tuhan ialah Cinta. Bagaimana pula dengan Allah?**

Untuk membataskan Pencipta langit dan Bumi kepada hanya satu sifat adalah gambaran yang salah mengenai Allah.

Allah bukan hanya 'penyayang' bahkan Allah adalah *Al-Waduud* (*Maha Penyayang*).

Allah membenci dosa tetapi menyayangi pembuat dosa yang kembali ke jalanNya dengan taubat yang ikhlas.

Kasih sayang Allah tiada bandingan. Dia adalah Maha Penyayang. Dia memberi peluang *sepanjang hayat* kepada orang yang berdosa untuk kembali ke jalan yang benar.

### **Siapakah yang menciptakan Allah?**

Allah mencipta masa dan ruang. Semua ciptaan Allah wujud dalam masa dan ruang. 'Sebab dan kesan' hanya wujud dalam masa dan ruang.

Jika Allah adalah seperti ciptaan-Nya, maka Dia juga mesti telah 'disebabkan' untuk wujud.

Siapakah yang mencipta Pencipta? Jawabannya ialah pencipta yang lain dan siapakah yang mencipta pencipta ini? Ini akan berterusan tanpa berkesudahan. Perkara ini dinamakan daurun (*infiniti*).

Masalah dengan '*infiniti*' adalah bahawa ia adalah satu idea yang tidak wujud dalam dunia sebenar.

Allah wujud di luar masa dan ruang di mana 'sebab dan kesan' tidak wujud. Oleh itu, kewujudan Allah tidak disebabkan. Dia sentiasa wujud dengan segala Keagungan dan Kehendak-Nya.

### **Adakah Allah melahirkan seorang anak lelaki tunggal?**

Allah mampu melakukan segala sesuatu, akan tetapi Dia melakukan perkara-perkara yang selayaknya dengan Kebesaran dan Kemuliaan-Nya.